



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

UCAPAN TAKZIAH ATAS PEMERGIAN  
ALLAHYARHAM YABHG. TUN MOHAMED DZAIDDIN ABDULLAH  
MANTAN KETUA HAKIM NEGARA

Dengan penuh rasa sedih dan sayu, saya bagi pihak Jabatan Peguam Negara ingin merakamkan ucapan takziah kepada YABhg. Toh Puan Noriah dan keluarga Allahyarham Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah. Allahyarham Tun Dzaiddin mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam Badan Kehakiman Malaysia. Perkhidmatan cemerlang Allahyarham Tun Dzaiddin dalam Badan Kehakiman bermula sebagai Hakim di Mahkamah Atasan antara tahun 1982 hingga 2000, sebelum dilantik menjadi Ketua Hakim Negara ke-9.

Keperibadian Allahyarham Tun Dzaiddin yang berhemah tinggi sangat disenangi ramai dan kehilangan ini pastinya dirasai. Saya amat bertuah kerana berpeluang berkhidmat bersama Allahyarham Tun Dzaiddin sebagai Pegawai Khas ketika beliau merupakan Ketua Hakim Negara.

Allahyarham Tun Dzaiddin juga tidak pernah jemu berkongsi ilmu dan sentiasa berlapang dada serta sedia mendengar keluhan hati sesiapa jua.

Segala jasa bakti Allahyarham Tun Dzaiddin akan sentiasa diingati dan semoga Allahyarham Tun Dzaiddin ditempatkan bersama orang-orang yang beriman.

JABATAN PEGUAM NEGARA  
12 JULAI 2024